



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA
ARAB BAGI PELAJAR DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM DI
UniSHAMS: ANALISIS PENDEKATAN INTERAKTIF DAN
TEKNOLOGI**

*TEACHING AND LEARNING STRATEGIES FOR ARABIC LANGUAGE AMONG
DIPLOMA IN ISLAMIC STUDIES STUDENTS AT UniSHAMS: AN ANALYSIS OF
INTERACTIVE AND TECHNOLOGICAL APPROACHES*

Khadijah Kamaruddin¹, Marina Abu Bakar^{2*}, Nurul Izzatie Aziz³

- ¹ Kulliyah Usuluddin, Sains Al-Quran dan Bahasa Arab, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Malaysia
Email: khadija@unishams.edu.my
 - ² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia.
Email: marinaab@uitm.edu.my
 - ³ Kulliyah Usuluddin, Sains Al-Quran dan Bahasa Arab, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Malaysia
Email: izzatieaziz@unishams.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 26.01.2025
Revised date: 12.02.2025
Accepted date: 20.03.2025
Published date: 27.03.2025

To cite this document:

Kamaruddin, K., Abu Bakar, M., & Aziz, N. I (2025). Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Bagi Pelajar Diploma Pengajian Islam Di UniSHAMS: Analisis Pendekatan Interaktif Dan Teknologi. *International Journal of Modern Education*, 7 (24), 1166-1182.

Abstrak:

Proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar merupakan isu global, khususnya dalam bidang Pengajian Islam di peringkat universiti. Bahasa Arab memainkan peranan penting sebagai bahasa ilmu dan berfungsi sebagai medium pengajaran dalam bidang akademik Pengajian Islam. Beberapa kekangan dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran, termasuk ketidakupayaan pelajar untuk berkomunikasi dalam Bahasa Arab, kekurangan kosa kata dan ketakutan untuk melakukan kesilapan dalam pertuturan. Kekangan ini telah menimbulkan cabaran yang signifikan bagi para pensyarah di UniSHAMS. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneroka strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Diploma Pengajian Islam di UniSHAMS. Menggunakan pendekatan kualitatif, data dikumpulkan melalui temu bual mendalam bersama pakar bidang dan dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi interaktif seperti latihan percakapan, simulasi situasi kehidupan sebenar, tugasan berkumpulan, dan permainan bahasa memberikan sumbangan yang

DOI: 10.35631/IJMOE.724082

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



signifikan dalam meningkatkan kemahiran bahasa pelajar. Selain itu, integrasi teknologi, termasuk aplikasi pembelajaran bahasa (contohnya, Duolingo, Babel) dan platform media sosial, dikenal pasti sebagai faktor penting dalam meningkatkan keterlibatan dan motivasi pelajar. Kajian ini membuktikan bahawa gabungan pendekatan interaktif dan teknologi bukan sahaja meningkatkan kefahaman dan kemahiran komunikasi, malah turut memupuk minat yang lebih mendalam dalam penguasaan Bahasa Arab. Sebagai implikasi, kajian ini mencadangkan keperluan kepada kaedah pengajaran yang pelbagai dan dinamik bagi memastikan hasil pembelajaran yang berkesan. Cadangan untuk kajian masa hadapan adalah meneroka kaedah kuantitatif bagi menilai impak jangka panjang terhadap strategi yang digunakan.

Kata Kunci:

Diploma Pengajian Islam, Pengajaran, Pembelajaran, Penguasaan Bahasa Arab, Strategi Interaktif, Teknologi Pendidikan, UniSHAMS

Abstract:

The teaching and learning process of the Arabic language among students is a global concern, particularly in the field of Islamic Studies at the university level. Arabic has played a crucial role as the language of knowledge and serves as the medium of instruction in the academic domain of Islamic Studies. Several constraints are encountered during the teaching and learning process, including students' inability to communicate in Arabic, limited vocabulary, and fear of making errors in speech. These constraints have posed significant challenges for UniSHAMS lecturers. Therefore, this study was conducted to explore effective teaching and learning strategies to enhance Arabic language proficiency among Diploma in Islamic Studies students at UniSHAMS. Utilizing a qualitative approach, data were collected through in-depth interviews with subject matter experts and analysed thematically. The findings reveal that interactive strategies such as conversational practice, real-life situation simulations, group assignments and language games significantly contribute to improving students' language skills. Additionally, the integration of technology, including language learning applications (e.g., Duolingo, Babel) and social media platforms, was identified as a crucial factor in fostering engagement and motivation. The study highlights that a combination of interactive and technological approaches not only enhances comprehension and communication skills but also cultivates a deeper interest in mastering Arabic. The implications of this study suggest the need for diverse and dynamic teaching methods to ensure effective learning outcomes. Recommendations for future research include exploring quantitative methods to assess the long-term impact of these strategies.

Keywords:

Diploma in Islamic Studies, Teaching, Learning, Arabic Language Proficiency, Educational Technology, Interactive Strategies, UniSHAMS

Pengenalan

Bahasa Arab memainkan peranan yang penting dalam pendidikan dan pengajian Islam. Sebagai bahasa Al-Qur'an dan hadis, penguasaan Bahasa Arab diperlukan untuk memahami sumber-sumber syariat Islam (Zaini et al., 2019; Dodego, 2022). Bahasa ini berfungsi sebagai bahasa agama, komunikasi, peradaban dan ilmu pengetahuan (Satrio, 2018). Dalam konteks

pendidikan Islam, Bahasa Arab menjadi medium untuk mempelajari, mengkaji dan menginterpretasikan ajaran Islam (Andriani, 2015; Hasan, 2023). Penguasaan Bahasa Arab juga penting untuk ibadah, seperti solat dan haji (Nasir et al., 2013). Dari segi sejarah, Bahasa Arab memberi sumbangan yang besar dalam pengembangan ilmu pengetahuan Islam dan membangunkan tradisi ilmiah dalam kalangan umat Islam (Nasution & Lubis, 2023; Ridwan, 2023). Malahan, Bahasa Arab juga diiktiraf di peringkat dunia dan merupakan bahasa rasmi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), selain turut digunakan di pelbagai negara (Gajah et al., 2023).

Proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam program Diploma Pengajian Islam di Malaysia menghadapi beberapa cabaran. Ini termasuk kekurangan dalam aspek kewangan, isu pengurusan masa dan kekurangan penguasaan dalam Bahasa Arab dan Inggeris dalam kalangan pelajar pascasiswazah (Munir & Muhamad, 2019). Bagi guru Bahasa Arab, integrasi pengetahuan budaya turut menjadi cabaran disebabkan oleh kekangan sumber dan tahap penerimaan pelajar yang terhad (Isa et al., 2024). Pelajar juga menghadapi kesukaran dalam aspek kekurangan kosa kata dan kesukaran bertutur (Daud & Pisal, 2014). Walaupun pelajar tahfiz menunjukkan persepsi sederhana terhadap pembelajaran Bahasa Arab, proses pembelajaran pelajar-pelajar ini berada pada tahap yang tinggi (Azizan et al., 2019). Selain itu, guru Bahasa Arab juga menghadapi cabaran-cabaran lain disebabkan oleh keterbatasan kosa kata Bahasa Arab (Zakaria et al., 2017). Bagi menangani isu-isu ini, para pengkaji mencadangkan fokus diberikan kepada peningkatan kosa kata, aktiviti berkumpulan (Daud & Pisal, 2014), dan latihan lakonan bagi meningkatkan kemahiran bertutur dan sikap pelajar (Yaakub et al., 2012).

Namun demikian, tidak dinafikan bahawa penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia masih lagi rendah, terutamanya dalam aspek kosa kata dan kemahiran komunikasi. Kajian mendapati bahawa pelajar secara umumnya hanya menguasai sekitar 1500-2000 perkataan Bahasa Arab, yang masih belum mencapai tahap yang disarankan iaitu antara 3000-5000 patah perkataan untuk pembelajaran yang berkesan (Razak et al., 2020). Tahap penguasaan yang rendah ini dikaitkan dengan beberapa faktor seperti kekurangan kosa kata, kurang keyakinan diri dan latihan yang tidak mencukupi (Mohamad, 2009; Zaini, 2015). Kelemahan turut dikesan dalam pelbagai kemahiran bahasa termasuk membaca, mendengar dan bertutur (Muhammad et al., 2012). Bagi menangani isu-isu ini, para pengkaji lepas mencadangkan penekanan terhadap pembelajaran kolokasi (Asbulah, 2021), pelaksanaan pendekatan berasaskan korpus, serta pembangunan model pembelajaran kosa kata sendiri (Zaini, 2015). Selain itu, pemupukan sikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Arab sejak usia awal turut disarankan bagi meningkatkan penguasaan bahasa secara keseluruhan (Muhamad et al., 2013).

Majoriti kajian menekankan keperluan terhadap strategi pengajaran Bahasa Arab yang interaktif dan berorientasikan teknologi di peringkat universiti. Kebanyakan kajian menyoroti kepentingan integrasi teknologi digital seperti aplikasi telefon pintar dan perisian interaktif untuk meningkatkan keterlibatan pelajar dan hasil pembelajaran (Febrian et al., 2017; Maita & Adawiyah, 2018). Penggunaan platform digital dan media sosial juga dapat meningkatkan minat dan penyertaan pelajar (Faiz & Afrita, 2024). Strategi berkesan termasuk metodologi interaktif, penggunaan lagu-lagu Arab, pertandingan serta integrasi ICT (Febrian et al., 2017). Selain itu, latihan bertutur dan penggunaan bahasa secara langsung lebih digemari oleh pelajar (Yusvida, 2020). Untuk memenuhi keperluan pembelajaran generasi milenial, para pendidik

perlu berinovasi dalam strategi pengajaran dan menggabungkan teknologi digital (Khansa, 2016; Alinis Ilyas, 2018; Lubis et al., 2020).

Kajian ini dijalankan bagi menangani isu penguasaan Bahasa Arab yang masih rendah dalam kalangan pelajar Diploma Pengajian Islam terutamanya di UniSHAMS (Bakar et al., 2024). Pendekatan PdP yang berkesan, khususnya yang melibatkan penggunaan teknologi, dilihat sebagai salah satu solusi utama dalam meningkatkan kemahiran bahasa pelajar. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Diploma Pengajian Islam di UniSHAMS. Melalui kajian ini, diharapkan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di UniSHAMS dan institusi pengajian tinggi awam atau swasta dapat diperkasakan dan ditambahbaik selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

Sorotan Literatur

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab

Kajian-kajian lepas memperlihatkan evolusi kaedah pengajaran Bahasa Arab daripada pendekatan tradisional atau konvensional kepada pendekatan moden atau kontemporari. Kaedah kontemporari menekankan kemahiran komunikasi dan pemahaman budaya, di samping kepentingan pembelajaran tatabahasa dan kosa kata yang berstruktur (Abdul Razak & Samah, 2018; Abdullah et al., 2022; Ekawati & Arifin, 2022; Haq et al., 2023). Strategi pembelajaran aktif, seperti pengajaran berbentuk permainan, telah menunjukkan keberkesanan dalam meningkatkan kemahiran mendengar (Alias, 2019; Fajriah, 2022). Integrasi teknologi, termasuk media audio-visual dan e-modul, telah mempertingkatkan pendidikan Bahasa Arab, terutamanya semasa pandemik COVID-19 (Yazid et al., 2023; Halim et al., 2025). Aktiviti pemecah ais didapati dapat meningkatkan motivasi dan tumpuan pelajar (Amalia, 2020). Selain itu, pendekatan gamifikasi turut menunjukkan potensi dalam memupuk sikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Arab (Jasni et al., 2018). Inovasi-inovasi ini bertujuan untuk menjadikan pembelajaran Bahasa Arab lebih menarik, interaktif, dan berkesan bagi para pelajar.

Peranan Teknologi dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Teknologi mempunyai peranan yang penting dalam pembelajaran Bahasa Arab. Pelbagai alat dan pendekatan teknologi telah diterokai untuk meningkatkan proses pembelajaran seperti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) (Achyar, 2018; Pikri, 2022; Sahrim et al., 2023), bahan bercetak (Syamsuddin, 2021), dan *augmented reality* (Annisa Hafitria & Imam Asrofi, 2023). Teknologi-teknologi ini dapat meningkatkan motivasi pelajar, memperbaiki hasil pembelajaran dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih menarik (Iswanto, 2017; Haris, 2021; Keshav et al., 2022). Namun begitu, terdapat beberapa cabaran yang perlu ditangani seperti tahap literasi digital yang terhad dalam kalangan guru dan kekurangan infrastruktur yang mencukupi (Islamy et al., 2024). Antara strategi pelaksanaan yang berkesan termasuklah meningkatkan kompetensi guru, membangunkan kandungan digital yang inovatif dan menerapkan pendekatan pembelajaran yang diperibadikan (Zikri et al., 2024). Integrasi teknologi dalam pendidikan Bahasa Arab memerlukan kerjasama antara pihak kerajaan, sekolah dan pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan pengalaman pembelajaran yang berkesan dan berkualiti (Islamy et al., 2024).

Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab

Kajian-kajian lepas banyak meneroka teori-teori pembelajaran bahasa dan aplikasinya dalam pengajaran Bahasa Arab. Teori sosio budaya Vygotsky (1978) menekankan interaksi sosial, mediasi dan Zon Perkembangan Proksimal dalam pemerolehan bahasa (Vygotsky, 1978; Muid & Rohman, 2019; Muttaqin & Rasyidi, 2020; Kurniawan et al., 2023). Konsep pembelajaran Ibn Khaldun, khususnya *Malakah* dan *Tadrij*, turut diketengahkan sebagai teori yang relevan dalam pengajaran Bahasa Arab moden dengan memfokuskan pendekatan berperingkat yang berpusatkan pelajar (Unsi, 2018; Azhari et al., 2021; Haryati et al., 2023). Kaedah pembelajaran koperatif turut dibincangkan sebagai strategi berkesan untuk meningkatkan kemahiran bertutur dalam Bahasa Arab (Munawaroh, 2016). Kepentingan pembelajaran Bahasa Arab secara integratif di institusi pengajian tinggi turut ditekankan, berbeza dengan pandangan Chomsky yang melihat bahasa sebagai kemampuan yang bersifat semula jadi (Syamsu & Jannah, 2023). Secara keseluruhannya, teori-teori ini menegaskan kepentingan interaksi sosial, pembangunan kemahiran secara berperingkat dan pengajaran bahasa secara holistik dalam pedagogi pengajaran Bahasa Arab. Jadual 1 merupakan ringkasan sorotan literatur kajian.

Jadual 1: Ringkasan Sorotan Literatur Kajian

No	Pengkaji	Metodologi	Dapatan
1	Abdul Razak & Samah (2018)	Kajian Literatur	Penggunaan teknologi ICT dalam pembelajaran Bahasa Arab.
2	Abdullah et al. (2022)	Analisis Dokumen	Menekankan kepentingan kemahiran komunikasi dan pemahaman budaya dalam pembelajaran Bahasa Arab.
3	Ekawati & Arifin (2022)	Kajian Literatur	Penggunaan pendekatan kontemporari dalam pengajaran Bahasa Arab di institusi pendidikan.
4	Haq et al. (2023)	Analisis Perbandingan	Perbandingan antara pendekatan tradisional dan kontemporari dalam pembelajaran Bahasa Arab.
5	Alias (2019)	Kajian Kuantitatif	Pengajaran melalui permainan bahasa meningkatkan kemahiran mendengar pelajar.
6	Fajriah (2022)	Kajian Eksperimental	Strategi penyertaan menggunakan permainan bisik berantai meningkatkan kemahiran komunikasi.
7	Yazid et al. (2023)	Kajian Literatur	Penggunaan e-modul dan media audio-visual meningkatkan pendidikan Bahasa Arab semasa pandemik COVID-19.
8	Halim et al. (2025)	Kajian Literatur	

9	Amalia (2020)	Kajian Tindakan	Integrasi teknologi dalam pembelajaran Bahasa Arab untuk meningkatkan hasil pembelajaran.
10	Jasni et al. (2018)	Kajian Literatur	Aktiviti <i>ice-breaking</i> dapat meningkatkan motivasi dan tumpuan pelajar.
11	Achyar (2018)	Kajian Literatur	Pendekatan gamifikasi memupuk sikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Arab.
12	Pikri (2022)	Kajian Literatur	Penggunaan teknologi ICT dalam pembelajaran Bahasa Arab.
13	Sahrim et al. (2023)	Kajian Kuantitatif	Penggunaan teknologi digital seperti aplikasi interaktif meningkatkan pembelajaran.
14	Syamsuddin (2021)	Kajian Literatur	Penggunaan <i>Augmented Reality</i> (AR) dalam meningkatkan pembelajaran kosa kata Bahasa Arab.
15	Iswanto (2017)	Kajian Tindakan	Penggunaan bahan bercetak dalam pembelajaran Bahasa Arab.
16	Haris (2021)	Kajian Literatur	Penggunaan teknologi multimedia untuk meningkatkan motivasi dan pemahaman pelajar.
17	Keshav et al. (2022)	Kajian Literatur	Penggunaan teknologi maklumat dalam pembelajaran Bahasa Arab.
18	Islamy et al. (2024)	Kajian Literatur	Penggunaan teknologi Revolusi Industri 5.0 dalam pembelajaran Bahasa Arab.
19	Zikri et al. (2024)	Kajian Literatur	Cabaran literasi digital dan kekurangan infrastruktur dalam pembelajaran Bahasa Arab.
20	Vygotsky (1978)	Teori Sosio Budaya	Penggunaan teknologi media dan pendekatan pembelajaran diperibadikan.
21	Muid & Rohman (2019)	Kajian Literatur	Interaksi sosial, mediasi dan Zon Perkembangan Proksimal dalam pencapaian bahasa.
22	Muttaqin & Rasyidi (2020)	Kajian Literatur	Penggunaan teori Vygotsky dalam pengajaran Bahasa Arab.

23	Kurniawan et al. (2023)	Kajian Literatur	Aplikasi teori Vygotsky dalam pembelajaran Bahasa Arab.
24	Unsi (2018)	Kajian Literatur	Teori sosio budaya Vygotsky dan aplikasinya dalam pengajaran Bahasa Arab.
25	Azhari et al. (2021)	Kajian Literatur	Konsep <i>Malakah</i> dan <i>Tadrij</i> oleh Ibn Khaldun dalam pembelajaran Bahasa Arab.
26	Haryati et al. (2023)	Kajian Literatur	Penggunaan konsep <i>Malakah</i> dan <i>Tadrij</i> oleh Ibn Khaldun dalam pembelajaran Bahasa Arab.
27	Munawaroh (2016)	Kajian Literatur	Relevansi konsep pembelajaran Ibn Khaldun pada pembelajaran Bahasa Arab moden.
28	Syamsu & Jannah (2023)	Kajian Literatur	Pembelajaran koperatif sebagai strategi berkesan dalam pengajaran Bahasa Arab.
29	Hafitria & Asrofi (2023)	Kajian Literatur	Pembelajaran integratif dalam pengajaran Bahasa Arab di institusi pengajian tinggi.
			Penggunaan <i>Augmented Reality</i> (AR) dalam pengajaran Bahasa Arab.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk memahami secara mendalam strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Diploma Pengajian Islam. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengkaji pengalaman, pandangan dan pemahaman informan dalam konteks sebenar (Creswell, 2014). Kaedah utama yang digunakan adalah temu bual mendalam, yang sesuai untuk memperoleh data yang bersifat deskriptif dan kontekstual. Data yang diperoleh seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik, yang membantu dalam mengenal pasti corak dan tema yang signifikan daripada data yang dikumpulkan (Braun & Clarke, 2012).

Pemilihan Informan

Pemilihan informan dilakukan secara pensampelan bertujuan, di mana informan dipilih berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan kepakaran mereka dalam pengajaran Bahasa Arab. Pensampelan bertujuan membolehkan penyelidik memilih informan yang dapat memberikan data yang relevan dan mendalam (Patton, 2002). Informan dalam kajian ini terdiri daripada 3 orang pensyarah dan mempunyai kepakaran dalam bidang pengajaran Bahasa Arab di institusi pengajian tinggi. Pemilihan ini adalah penting bagi memastikan data yang dikumpulkan

mampu memberikan gambaran yang jelas tentang strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam konteks pendidikan Bahasa Arab. Senarai informan kajian adalah seperti yang berikut:

Jadual 2: Senarai Informan Kajian

No	Informan	Jawatan & Institusi
1	Informan 1	Profesor Madya, Pusat Pengajian Pendidikan & Bahasa Moden. Kolej Seni dan Sains, Universiti Utara Malaysia (UUM).
2	Informan 2	Pensyarah Kanan, Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
3	Informan 3	Pensyarah Kanan, Kulliyyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpulkan menggunakan kaedah temu bual mendalam, yang membolehkan pengkaji mengekalkan fokus terhadap objektif kajian, namun memberikan ruang kepada informan untuk berkongsi pandangan secara bebas (Creswell & Poth, 2018). Panduan temu bual disediakan untuk memastikan perbincangan berjalan teratur dan meliputi aspek-aspek penting berkaitan strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik, yang sesuai dalam mengenal pasti corak dan tema utama dalam data kualitatif (Braun & Clarke, 2012). Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mengkategorikan data berdasarkan tema-tema yang berkaitan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

Kaedah Penganalisisan Data

Data dianalisis menggunakan pendekatan induktif, di mana tema-tema utama dikenal pasti berdasarkan penemuan yang muncul secara semula jadi daripada data temu bual (Merriam & Tisdell, 2016). Proses analisis melibatkan beberapa peringkat utama. Pertama, penyediaan data dilakukan dengan membaca transkrip temu bual berulang kali bagi memahami isi kandungan secara menyeluruh. Seterusnya, kod-kod awal dikenal pasti berdasarkan maklumat yang berulang atau signifikan dalam data. Kod-kod ini kemudian dikategorikan kepada tema-tema utama yang relevan. Tema-tema tersebut disemak dalam fasa semakan dan penetapan tema untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan data (Creswell & Creswell, 2018). Akhir sekali, hasil analisis diolah dalam bentuk naratif yang disokong dengan petikan langsung daripada informan untuk memperkukuhkan dapatan kajian (Miles et al., 2014).

Analisis dan Perbincangan

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab

Interaksi Sistemik dalam Kelas

Dapatan kajian menunjukkan bahawa interaksi sistemik dalam kelas memainkan peranan penting dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Arab. Pensyarah menekankan kepentingan latihan percakapan secara berkala, di mana pelajar didorong untuk berlatih bercakap menggunakan ayat-ayat asas dalam Bahasa Arab. Seperti yang dinyatakan oleh Informan 1:

“Latihan percakapan adalah antara salah satu cara untuk menguasai Bahasa Arab dari sudut percakapan. Ini juga memberi peluang kepada pelajar dalam membetulkan sebutan, intonasi dan juga gaya bahasa tersebut.” – (Informan 1)

Dapatan ini turut disokong oleh Abdul Razak & Samah (2018) yang menekankan bahawa pendekatan interaksi aktif dapat meningkatkan kecekapan komunikasi pelajar. Tambahan lagi, perbincangan kelas yang melibatkan soal jawab, debat, dan simulasi perbualan telah terbukti memberikan kesan positif terhadap peningkatan kemahiran lisan pelajar (Ekawati & Arifin, 2022).

Pendekatan Simulasi Kehidupan Nyata

Kajian mendapati bahawa penggunaan simulasi kehidupan nyata dalam pengajaran Bahasa Arab membantu pelajar untuk memahami dan mempraktikkan bahasa dalam konteks yang lebih realistik. Informan 2 menyatakan:

“Pensyarah boleh memberi tugas berbentuk lakonan atau video di mana pelajar melakonkan situasi kehidupan sebenar, seperti membeli belah di pasar atau sebagai pemandu pelancong.” – (Informan 2)

Ini selari dengan pandangan Ekawati & Arifin (2022) yang mencadangkan bahawa pendekatan berasaskan pengalaman nyata dapat meningkatkan penguasaan bahasa dengan lebih efektif. Dapatan ini juga selari dengan kajian Haq et al. (2023) yang menekankan bahawa simulasi konteks sebenar memberikan pelajar ruang untuk mempraktikkan penggunaan Bahasa Arab dalam suasana yang lebih alami dan tidak formal.

Permainan Bahasa sebagai Alat Pembelajaran

Permainan bahasa seperti kuiz, teka-teki silang kata dan aktiviti pergerakan interaktif turut dilaksanakan sebagai alat pembelajaran yang berkesan. Menurut Informan 3:

“Pelajar suka jika ada aktiviti permainan dalam kelas kerana suasana pembelajaran akan menjadi lebih ceria dan menyeronokkan.” – (Informan 3)

Ini selaras dengan dapatan Fajriah (2022) yang menunjukkan bahawa aktiviti permainan dapat meningkatkan kemahiran mendengar dan interaksi dalam kalangan pelajar. Alias (2019) turut menyatakan bahawa pelaksanaan permainan bahasa membantu dalam membina keterlibatan pelajar secara aktif dan memberikan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

Pembelajaran Berasaskan Mentor dan Kolaboratif

Pembelajaran berasaskan mentor dan kolaboratif turut dikenal pasti sebagai strategi yang berkesan. Pelajar yang cemerlang dalam Bahasa Arab diberikan peranan sebagai mentor untuk membantu rakan-rakan dalam kumpulan kecil. Ini dinyatakan oleh Informan 3,

“Pelajar yang lebih mahir boleh membantu rakan-rakan mereka untuk memahami pelajaran dan ini memudahkan proses pembelajaran.” – (Informan 3)

Dapatan ini disokong oleh Munawaroh (2016) yang mencadangkan bahawa pembelajaran koperatif dapat meningkatkan kecekapan komunikasi pelajar, terutamanya dalam penguasaan lisan dan kemahiran memahami perbualan harian.

Peranan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab

Penggunaan Aplikasi Pembelajaran Bahasa Arab

Kajian menemui bahawa penggunaan aplikasi pembelajaran seperti Duolingo, Babbel, Buusu dan Speak Arabic telah membantu pelajar dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Arab mereka. Perkara ini dinyatakan oleh Informan 1:

"Aplikasi seperti Duolingo dan Babbel menyediakan latihan interaktif yang membolehkan pelajar mempraktikkan kemahiran mendengar dan bercakap dalam Bahasa Arab." – (Informan 1)

Penemuan ini sejajar dengan kajian Achyar (2018) yang menunjukkan bahawa aplikasi teknologi digital meningkatkan keterlibatan pelajar. Tambahan pula, aplikasi ini memberikan pelajar peluang untuk belajar secara fleksibel dan mengikut kadar kemampuan masing-masing (Pikri, 2022).

Platform Media Sosial dalam Pengajaran Bahasa Arab

Media sosial seperti Facebook, Instagram, TikTok dan Reddit digunakan sebagai platform untuk perbincangan dan latihan komunikasi dalam Bahasa Arab. Informan 3 menyatakan seperti mana yang berikut:

"Penggunaan platform seperti Facebook dan Reddit memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya soalan dan berbincang dalam Bahasa Arab." – (Informan 3)

Hal ini turut disokong oleh Pikri (2022) yang menegaskan bahawa media sosial memainkan peranan penting dalam meningkatkan keterlibatan pelajar dalam proses pembelajaran.

Penggunaan Audio dan Video dalam Pembelajaran

Kajian turut mendapati bahawa penggunaan bahan audio-visual seperti podcast, filem pendek dan video pembelajaran membantu meningkatkan pemahaman pelajar terhadap Bahasa Arab. Informan 2 menyatakan:

"Pelajar suka belajar melalui video dan audio kerana ia lebih menyeronokkan dan mudah difahami." – (Informan 2)

Dapatan ini disokong oleh Halim et al. (2025) yang mencadangkan bahawa penggunaan bahan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan hasil pembelajaran. Tambahan lagi, penggunaan media visual dan audio yang interaktif dapat meningkatkan kemahiran mendengar dan memudahkan pelajar dalam memahami konteks penggunaan bahasa (Yazid et al., 2023).

Faktor-Faktor yang Meningkatkan Penguasaan Bahasa Arab

Motivasi dan Keinginan Belajar

Dapatan kajian menunjukkan bahawa motivasi dan keinginan belajar merupakan faktor penting dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Arab. Hal ini dinyatakan oleh Informan 2:

"Perasaan cinta terhadap Bahasa Arab mencetuskan motivasi untuk mempelajari setiap aspek bahasa ini." – (Informan 2)

Ini selari dengan kajian Amalia (2020) yang menegaskan bahawa motivasi positif memainkan peranan penting dalam kejayaan pembelajaran bahasa.

Pembelajaran yang Interaktif dan Menyeronokkan

Strategi pengajaran yang interaktif dan menyeronokkan turut membantu dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Arab. Perkara ini disuarakan oleh Informan 3:

“Pelajar yang menikmati proses pembelajaran lebih mudah mengingat apa yang mereka pelajari dan lebih bersedia untuk belajar secara konsisten.” – (Informan 3)


Penemuan ini bersesuaian dengan pandangan Jasni et al. (2018) yang menekankan pendekatan gamifikasi dalam memupuk sikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Arab.

Kepuasan dan Pencapaian Peribadi

Kajian turut mendapati bahawa kepuasan peribadi merupakan faktor yang mendorong pelajar untuk terus mempelajari Bahasa Arab. Informan 1 memberikan pandangan:

“Pada pandangan saya...mencintai Bahasa Arab menatijahkan kepada penguasaan bahasa tersebut dan akhirnya memberi kepuasan kepada diri pelajar.” – (Informan 1)

Pandangan ni dilihat selari dengan kajian Syamsu & Jannah (2023) yang menegaskan bahawa kepuasan peribadi adalah motivasi utama dalam proses pembelajaran yang berterusan.



Rajah 1: Hasil Analisis Berdasarkan Kategori Strategi Pengajaran dan Pembelajaran
Sumber: Pengkaji

Rajah 1 menunjukkan bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dapat dibahagikan kepada beberapa kategori utama yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar Diploma Pengajian Islam di

UniSHAMS. Kategori yang paling dominan ialah interaksi sistematik dalam kelas, pendekatan simulasi kehidupan nyata, dan permainan bahasa yang menyumbang sebanyak 30% daripada keseluruhan strategi yang dibincangkan. Ketiga-tiga strategi ini masing-masing menyumbang 10% daripada keseluruhan strategi dan dianggap berkesan dalam membina kemahiran komunikasi pelajar, terutamanya melalui aktiviti seperti simulasi perbualan, lakonan, dan permainan bahasa. Aktiviti-aktiviti ini membantu meningkatkan kecekapan komunikasi serta membina keyakinan pelajar dalam menggunakan Bahasa Arab.

Selain itu, strategi lain yang juga mendapat perhatian ialah pembelajaran berasaskan mentor dan kolaboratif, penggunaan aplikasi pembelajaran Bahasa Arab, platform media sosial, serta penggunaan audio dan video yang masing-masing menyumbang sebanyak 10% daripada keseluruhan strategi. Penggunaan aplikasi pembelajaran seperti Duolingo dan Babbel serta penggunaan platform media sosial seperti Facebook dan Reddit menunjukkan bahawa teknologi memainkan peranan penting dalam memudahkan proses pembelajaran Bahasa Arab. Melalui aplikasi dan media sosial, pelajar dapat mengakses pelbagai sumber pembelajaran dengan lebih mudah dan fleksibel, sekaligus meningkatkan keterlibatan dan motivasi mereka.

Tambahan pula, faktor motivasi dan kepuasan peribadi pelajar turut menyumbang kepada keberkesanan strategi pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan. Kajian mendapati bahawa pelajar yang mempunyai minat yang mendalam dan merasa seronok dalam proses pembelajaran lebih cenderung untuk mencapai hasil yang lebih baik. Faktor-faktor ini memberikan kesan positif terhadap kecekapan komunikasi pelajar dan menyumbang kepada pembelajaran yang lebih berkesan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan yang menggabungkan interaksi aktif, teknologi digital dan strategi motivasi dapat memperkasakan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Pendekatan berpusatkan pelajar dan penggunaan teknologi terkini terbukti dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih dinamik, menyeronokkan, dan berkesan.

Berdasarkan hasil analisis kajian juga, dapat dirumuskan bahawa kajian ini memberi tiga implikasi utama iaitu kepada pensyarah, pelajar dan institusi pengajian tinggi, UniSHAMS. Dapatan kajian membuktikan bahawa pensyarah perlu menerapkan kepelbagaian strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih interaktif untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Pensyarah juga perlu memperbanyakkan aktiviti seperti perbincangan kelas, debat dan simulasi perbualan bagi meningkatkan kecekapan pelajar dalam penggunaan Bahasa Arab secara aktif. Selain itu, pensyarah juga disarankan untuk menerapkan pendekatan berasaskan permainan, simulasi kehidupan nyata dan pembelajaran kolaboratif bagi memupuk minat serta keterlibatan pelajar sepanjang proses pembelajaran berlangsung. Hal ini akan membantu mencipta suasana pembelajaran yang lebih dinamik, menyeronokkan dan berkesan.

Bagi pelajar, kajian ini memberikan panduan tentang kepentingan keterlibatan aktif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Strategi-strategi seperti permainan bahasa, penggunaan aplikasi pembelajaran dan penyertaan dalam perbincangan media sosial bukan sahaja dapat meningkatkan minat, malah membantu dalam memperkukuhkan kefahaman pelajar terhadap bahasa tersebut. Pelajar digalakkan untuk menggunakan pelbagai teknologi pembelajaran, berkolaborasi dengan rakan sebaya dan memanfaatkan platform digital bagi

memperluaskan kemahiran berbahasa mereka. Selain itu, penglibatan dalam aktiviti simulasi dan latihan perbualan akan memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan relevan.

Di samping itu, institusi pengajian tinggi seperti UniSHAMS perlu memperkasakan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dengan menyediakan infrastruktur pembelajaran yang mencukupi, seperti makmal bahasa yang dilengkapi dengan peralatan audio-visual, akses kepada aplikasi pembelajaran dan platform pembelajaran dalam talian. Institusi juga perlu menganjurkan latihan bagi pensyarah agar mereka lebih mahir dalam menggunakan teknologi terkini untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, institusi boleh memainkan peranan dalam memperkenalkan pendekatan pembelajaran berteraskan teknologi seperti penggunaan *Augmented Reality (AR)* dan aplikasi pembelajaran interaktif. Langkah ini bukan sahaja akan memperkasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, malah meningkatkan keberkesanan dan kualiti proses pengajaran secara keseluruhan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, strategi interaktif dan penggunaan teknologi memainkan peranan penting dalam memperkasakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Pendekatan berasaskan interaksi aktif seperti perbincangan kelas, simulasi perbualan dan permainan bahasa terbukti dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan motivasi pelajar. Selain itu, penggunaan teknologi seperti aplikasi pembelajaran dan media sosial turut menyokong keberkesanan pembelajaran. Simulasi kehidupan nyata dan pembelajaran berasaskan mentor dikenal pasti sebagai antara pendekatan terbaik yang mampu memberi impak positif terhadap penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Namun demikian, kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang perlu diambil kira. Pertama, data kajian hanya diperoleh melalui kaedah kualitatif yang melibatkan bilangan informan yang terhad. Oleh itu, hasil dapatan mungkin tidak dapat digeneralisasikan kepada populasi yang lebih luas. Kedua, kajian ini hanya memfokuskan kepada aspek strategi pengajaran dan peranan teknologi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di institusi tertentu sahaja iaitu UniSHAMS. Justeru, kajian masa depan disarankan untuk melibatkan sampel yang lebih besar dan pelbagai serta meneroka aspek-aspek lain yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

Kajian ini juga mencadangkan agar beberapa kajian lanjutan dilakukan bagi memperkukuh hasil yang diperoleh. Pertama, kajian berbentuk kuantitatif perlu dilaksanakan bagi mengukur keberkesanan strategi pengajaran dan pembelajaran yang telah dicadangkan, termasuk impak terhadap pencapaian akademik dan tahap penguasaan Bahasa Arab pelajar. Kedua, kajian yang meneliti impak jangka panjang penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab perlu dilaksanakan untuk memastikan keberkesanan dan kesesuaian pendekatan tersebut dalam jangka masa panjang. Kajian-kajian lanjutan seperti ini akan membantu dalam memperbaiki pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada serta mencadangkan inovasi baru yang lebih berkesan dan relevan dengan perkembangan semasa.

Penghargaan

Pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) atas pembiayaan projek ini di bawah Geran Penyelidikan Universiti (GPU) UniSHAMS Fasa 8 / Sesi Kedua 2023 (RMC/01/GPU/2023).

Rujukan

- Abdullah, R., Asni, F., & Syarbaini, K. M. (2022). An Analysis of Arabic Language Syllabus Appropriateness Level in the Faculty of Muamalat and Islamic Finance KUIPs. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 26(1): 1-14.
- Abdul Razak, Z. R., & Samah, R. (2018). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar di Peringkat Pengajian Tinggi: Permasalahan dan Strategi Pengajaran. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 8(2):61-70.
- Achyar, S. (2018). Pengembangan Teknologi Informasi dan Komunikasi (TIK) Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Al-Fawa'id*, 7(1), 50-55.
- Alias, H. (2019). Keberkesanan Penggunaan Aplikasi 'Plickers' dalam Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Arab di Universiti Sultan Azlan Shah. *Al-Qimah Al-Mudhafah*, 5(1), 1-9.
- Amalia, A. (2020). Ice Breaking dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Shaut Al Arabiyyah*, 8(1), 75-85.
- Andriani, A. (2015). Urgensi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Pendidikan Islam. *Ta'allum: Jurnal Pendidikan Islam*, 3(1), 39-56.
- Asbullah, L. H. (2021). Tahap Pengetahuan Kolokasi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 127-138.
- Azhari, A., Arifa, Z., Rais, Q. M. N., & Hidayatullah, M. (2021). Konsep Pembelajaran Perspektif Ibnu Khaldun dan Relevansinya pada Pembelajaran Bahasa Arab di Abad 21. *Studi Arab*, 12(2), 120-133.
- Azizan, K. F. B. K., Shaharuddin, H. N. B., Rosnan, F. N. R. B., & Ismail, W. (2019). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Wal Qiraat. *Jurnal e-Bangi*, 16, 1-15.
- Bakar, M. A., Kamaruddin, K., & Aziz, N. I. (2024). Unveiling the Teaching and Learning Journey of Mastering Arabic at UniSHAMS: A Literature Review Exploration. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(1), 2546-2557.
- Braun, V., & Clarke, V. (2012). Thematic Analysis. Dlm. H. Cooper, P. M. Camic, D. L. Long, A. T. Panter, D. Rindskopf, & K. J. Sher (Eds.), *APA Handbook of Research Methods in Psychology*, Vol. 2: Research Designs: Quantitative, Qualitative, Neuropsychological and Biological (pp. 57-71). Washington, DC: American Psychological Association.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. (5th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Daud, N., & Pital, N. A. (2014). Permasalahan Pertuturan dalam Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1), 117-133.

- Dodego, S. H. A. (2022). Pentingnya Penguasaan Bahasa Arab dalam Pembelajaran Pendidikan Agama Islam. *PESHUM: Jurnal Pendidikan, Sosial Dan Humaniora*, 1(2), 55-70.
- Ekawati, D., & Arifin, A. (2022). Pendekatan dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Teori, Konsep dan Implementasi. *An Nabighoh*, 24(1), 111-126.
- Faiz, M., & Afrita, J. (2024). Tantangan dan Strategi Pemahaman Bahasa Arab untuk Pendidikan Generasi Z: Analisis dan Prospek Masa Depan. *Jurnal Pendidikan Indonesia*, 5(4),
- Fajriah, N. (2022). Penerapan Strategi Partisipatif Teaching and Learning Melalui Permainan Bisik Berantai (Al Asrar Al Mutasalsil) dalam Pembelajaran. *Seulanga*, 1(1), 24-32.
- Febrian, D., Lubis, M. A., Yasim, I. M. M., & Wahab, N. S. A. (2017). Teknik Pengajaran Bahasa Arab Interaktif di Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 78-93.
- Gajah, A. S., Inayah, U. M., & Haryuni, N. D. (2023). Peranan Bahasa Arab dalam Pengembangan Studi Islam. *Jurnal Ekshis*, 1(2), 61-69.
- Hafitria, A., & Asrofi, I. (2023). Implementasi Teknologi Augmented Reality pada Media Pembelajaran Bahasa Arab. *JiIP-Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan*, 6(10), 7548-7556.
- Haq, M. A. I., Mulyani, S., & Sholeh, A. (2023). Paradigma Pembelajaran Bahasa Arab (Analisis Kontrastif Metode Pembelajaran Konvensional dan Kontemporer). *Takuana: Jurnal Pendidikan, Sains dan Humaniora*, 2(1), 63-75.
- Halim, M. F., Fatimah, S. N., Susiawati, W., & Nisa, M. (2024). Eksplorasi Karakteristik Bahasa Arab: Mabna, Makna dan Posisi sebagai Bahasa Al-Quran dalam Peradaban Manusia. *Mauriduna: Journal of Islamic Studies*, 5(4), 1358-1370.
- Haris, M. (2021). Pemanfaatan Teknologi Informasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Al-Maraji': Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 5(2), 88-101.
- Haryati, R., Jailani, M., & Ramadhan, M. F. (2023). Relevansi Konsep Pembelajaran Perspektif Ibnu Khaldun pada Pembelajaran Bahasa Arab Era Modern. *Al-Jawhar: Journal of Arabic Language*, 1(1), 70-86.
- Hasan, M. A. K. (2023). Peran Bahasa Arab dalam Pendidikan Islam di Ma'had Aly Ar-Rasyid Wonogiri: Tinjauan Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab sebagai Media Akses Ilmu Agama. *Tatsqifiy: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 4(2), 88-94.
- Isa, Y., Abdullah, I., & Razak, M. S. A. (2024). Cabaran dan Usaha Pengintegrasian Pengetahuan Budaya Arab dalam Pengajaran Bahasa Arab. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 8(2), 133-142.
- Islamy, M. F. A., Sutiah, S., & Taufiqurrochman, R. (2024). Strategi Mengatasi Problematikan Teknologi dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Abad 21. *Comserva: Jurnal Penelitian dan Pengabdian Masyarakat*, 4(3), 723-730.
- Iswanto, R. (2017). Pembelajaran Bahasa Arab dengan Pemanfaatan Teknologi. *Arabiyatuna: Jurnal Bahasa Arab*, 1(2), 139-152.
- Ilyas, A. (2018). Dosen Bahasa Arab dan Kompetensinya dalam Mengaktualisasikan Teknik Pembelajaran Interaktif. *Jurnal Al Bayan: Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*, 10(1), 86-102.
- Jasni, S. R., Zailani, S., & Zainal, H. (2018). Pendekatan Gamifikasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Gamification Approach in Learning Arabic Language. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13(1), 358-367.
- Keshav, M., Julien, L., & Miezal, J. (2022). The Role of Technology in Era 5.0 in the Development of Arabic Language in the World of Education. *JILTECH: Journal International of Lingua & Technology*, 1(2), 79-98.

- Khansa, H. Q. (2016). Strategi Pembelajaran Bahasa Arab. Dlm. *Prosiding Konferensi Nasional Bahasa Arab*, 1(2), 53-62.
- Kurniawan, A. A., Ilmi, B., Authar, N., & Wargadinata, W. (2022). Pembelajaran Bahasa Arab di Indonesia: Problematika dan Solusi Prespektif Sosiokultural Vygotsky. *Al-Ittijah: Jurnal Keilmuan dan Kependidikan Bahasa Arab*, 14(2), 161-174.
- Lubis, M. A. L. A., Taib, S. H., & Ismail, M. A. (2020). Inovasi Sistem Pendidikan dan Strategi Pengajaran Bahasa Arab di Era Milenial 4.0. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 3(2), 9-20.
- Maita, I., & Adawiyah, A. (2023). Pembelajaran Interatif Bahasa Arab Berbasis Android. *Jurnal Ilmiah Rekayasa dan Manajemen Sistem Informasi*, 4(2), 123-129.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. (4th ed.). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldana, J. (2014). *Qualitative Data Analysis: A Methods Sourcebook*. (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Mohamad, A. H. (2009). Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 1-14.
- Muhammad, A., Jasmi, K. A., Mustari, M. I., Nasbon, R., Awang, N. F. (2012). Kemahiran Membaca dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. Dlm. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012])* di Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru pada 8-9 Mac 2012, 901-910.
- Muhamad, I., Ahmad, W. M. A. W., & Mat, A. C. (2013). Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program J-QAF. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(2), 81-97.
- Munawaroh, S. (2016). Model Pembelajaran Kooperatif (Cooperative Learning) dalam Strategi Belajar Mengajar Bahasa Arab. Dlm. *Prosiding Konferensi Nasional Bahasa Arab*, 1(2), 100-116.
- Muid, A., & Rohman, M. F. (2019). Ta'lim Maharah al-Kalaam Fi Dhu'i al-Nazhariyat al-Ijtima'iyah al-Tsaqafiyah Li Vygotsky. *Arabiyatuna: Jurnal Bahasa Arab*, 3(2), 261-282.
- Munir, A., & Muhamad, N. (2019). Caba.ran Pembelajaran Pelajar Lepas an Ijazah Pengajian Islam di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(2), 1-15.
- Muttaqin, I., & Rasyidi, A. W. (2020). Taf'īl al-Anmāt at-Tafā 'uliyyah fī Ta'lim al-Lugah al-'Arabiyyah Dākhila al-Bīah al-Iṣṭinā'iyah 'alā Ḍau'i an-Naẓariyyah al-Ijtimā 'iyyah aš-Ṣaqafiyah li Vygotsky. *LISANIA: Journal of Arabic Education and Literature*, 4(2), 196-216.
- Nasir, M. S., Yahaya, M. F., & Sahrir, M. S. (2013, Julai). Pembelajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Ibadah sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Awam. Dlm. *Malaysia International Conference on Foreign Languages (MICFL 2013) (Vol. 1)*.
- Nasution, N. S., & Lubis, L. (2023). Urgensi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Simki Pedagogia*, 6(1), 181-191.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research and Evaluation Methods*. (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Pikri, F. (2022). Utilization of Information and Communication Technology as Arabic Learning Media. *International Journal of Demos (IJD)*, 4(2), 890-897.

- Razak, Z. R. A., Samah, R., & Ismail, S. (2020). Tahap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Universiti: Satu Kajian Korpus di Universiti Sains Islam Malaysia. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 10(1), 71-80.
- Ridwan, M. (2023). Membuka Wawasan Keislaman: Kebermaknaan Bahasa Arab dalam Pemahaman Islam. *Jazirah: Jurnal Peradaban dan Kebudayaan*, 4(2), 97-110.
- Sahrim, M. A., Soad, N. F. A. M., & Asbulah, L. H. (2023). Augmented Reality Technology in Learning Arabic Vocabulary from the Perception of University Students. *International Journal of Interactive Mobile Technologies*, 17(21).
- Syamsu, P. K., & Jannah, D. (2023). Teori Pembelajaran Bahasa Arab Integratif Di Perguruan Tinggi. *EL-IBTIKAR: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 12(1), 1-18.
- Syamsuddin, N. (2021). Pengembangan Teknologi Cetak dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *AL IBRAH: Journal of Arabic Language Education*, 4(1), 35-44.
- Satrio, S. (2018). Urgensi Penguasaan Bahasa Arab dalam Studi Islam di Indonesia. *Perada*, 1(2), 163-177.
- Unsi, B. T. (2018). Konsep Metode Pembelajaran Ibn Khaldun dalam Pengajaran Bahasa Arab. *Murobbi: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 2(1), 60-71.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Harvard University Press.
- Yaakub, A. I., Mat, A. C., & Pa, M. T. (2012). Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan dalam Pengajaran Bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(1), 325-337.
- Yazid, M. T. M., Sulong, W. M. W., Mustapha, N. F., & Jabar, M. A. A. (2023). Potensi E-Modul dalam Pembelajaran Bahasa Arab Pada Era Globalisasi. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 7(1), 1-11.
- Yusvida, M. (2020). Strategi Belajar Bahasa Arab yang Efektif pada Perguruan Tinggi. *Tatsqifiy: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 1(2), 127-139.
- Zaini, A. R. (2015). *Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Melayu di Peringkat Kolej Universiti*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47-57.
- Zakaria, N. S., Pisol, M. I. M., Hamzah, H., Madzalan, J., & Yahya, S. M. N. S. (2017). Cabaran Pengajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Guru Bukan Opsyen: Kajian Terhadap Guru-Guru Pendidikan Islam di SRA Daerah Hulu Langat, Selangor. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 1(2), 13-19.
- Zikri, M., Mardiantara, L. H., & Aziz, A. (2024). Strategi Penggunaan Media dan Teknologi dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Ilmiah Profesi Pendidikan*, 9(4), 2961-2966.